



KENYATAAN MEDIA

KESEDARAN AWAM DIPERKASA DALAM MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL

PORT DICKSON, 18 JUN 2026 : Hari ini saya merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan: Say No To Sexual Harassment di Hotel Villea, Port Dickson.

Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu gangguan seksual yang bukan sahaja menjejaskan maruah dan keselamatan individu, malah memberi kesan kepada kesejahteraan sosial serta produktiviti negara.

Untuk makluman semua, kerajaan telah memperkukuh usaha menangani isu gangguan seksual ini, antaranya ialah dengan menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Penguatkuasaan menyeluruh adalah merangkumi penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang merupakan satu platform alternatif bagi menyelesaikan aduan lebih cepat, mudah dengan kos yang berpatutan untuk mangsa menuntut hak mereka.

Berdasarkan laporan TAGS, sehingga 31 Mei 2026, sebanyak 99 aduan telah difailkan, 80 daripadanya berjaya diselesaikan. Pencapaian ini membuktikan bahawa tribunal ini berkesan dalam mempercepat proses menyampaikan keadilan kepada mangsa.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan trend peningkatan kes gangguan seksual yang semakin membimbangkan. Jumlah kes yang direkodkan meningkat daripada 477 kes pada tahun 2022 kepada 522 kes pada tahun 2023, seterusnya melonjak kepada 788 kes pada tahun 2024 dan mencecah 1,038 kes pada tahun 2025. Sehingga Mei 2026, sebanyak 388 kes telah dilaporkan di seluruh negara, dengan 11 kes direkodkan di Negeri Sembilan

Dalam masa yang sama, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut mempergiat pelaksanaan program advokasi *Women, Peace and Security (WPS)* sebagai usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penglibatan wanita dalam aspek keamanan, keselamatan dan pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, program pada hari ini juga selari dengan inisiatif *National Action Plan: Women Peace and Security 2025-2030 (NAP WPS)* yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemangkin keamanan dan pembangunan mampan.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit, dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

Terima Kasih.

YB LIM HUI YING
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 JUN 2026